



Headline: Suri rumah sasaran sindiket Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 6 October 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 32

Suri rumah sasaran sindiket Macau Scam

NILAI - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan golongan wanita terutama suri rumah menjadi antara kelompok yang turut menjadi sasaran penipuan sindiket Macau Scam.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop berkata, melalui kes-kes penipuan yang berlaku, jumlah kerugian membabitkan golongan tersebut dilaporkan mencecah ratusan ribu ringgit.

Menurutnya, modus operandi dijalankan melalui pelbagai medium termasuk Facebook, panggilan telefon dan terkini dengan menghantar salinan laporan polis palsu kepada mangsa, selain menakutkan mangsa dengan 'waran tangkap'.

"Ahli sindiket ini menggunakan pelbagai taktik untuk mempengaruhi mangsa sehingga menyebabkan mereka terpedaya dengan menyamar sebagai pegawai polis, kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)," katanya pada sidang media selepas melancarkan Taman Angkat Amanita Kontinjen Negeri Sembilan di Nilai semalam.

Beliau turut menyifatkan golongan wanita khususnya suri rumah boleh memainkan peranan dalam mencegah dan membanteras jenayah khususnya menerusi Amanita atau Skwad Aman Wanita, iaitu inisiatif menjadikan suri rumah sebagai rakan polis.